

Juruteknik Syabas terima rasuah dipenjara, denda ^{um 1/12}

KUALA LUMPUR 30 Nov. – Seorang juruteknik Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) dihukum penjara tiga bulan dan denda RM10,000 atau penjara setahun selepas didapati bersalah oleh Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas tuduhan menerima rasuah wang tunai RM500, enam tahun lalu.

Soid Daud, 49, didakwa menerima suapan untuk dirinya sebagai upah mempercepatkan kelulusan Laporan Ulasan Permohonan Pelan Susun Atur Pecah Sempadan bagi dua

lot tanah di Mukim Dengkil dekat sini.

Lelaki itu melakukan perbuatan tersebut kira-kira pukul 3.45 petang, 29 Jun 2000 di sebuah gerai makanan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) No. 32, Kampung Kerinchi di sini.

Ketika itu, dia bertugas sebagai pelukis pelan di Jabatan Bekalan Air (JBA) Selangor.

Hakim Rosenani Abdul Rahman memutuskan hukuman tersebut selepas berpuas hati bahawa tindakan dan

peranan tertuduh jelas sejak dia mula berurusan dengan pengadu kes, Ahmad Anwar Mohd. Sulaiman yang juga seorang pengurus projek.

Sehubungan itu, mahkamah menolak pembelaan tertuduh yang menyatakan wang RM500 itu bukan suapan tetapi sebagai wang pendahuluan untuk diserahkan kepada seorang broker tanah.

"Keterangan broker berkenaan yang dipanggil sebagai saksi tidak menyokong kes pembelaan," ujar Rosenani.